

# Perjuangan seniman muda pelbagai disiplin diiktiraf

Terkesima komposer, penyusun lagu dan pengarah muzik Singapura, Encik Julian Wong, tat kala menyaksikan detik keemasan konduktor dan pemuzik Allahyarham Iskandar Ismail memimpin orkestra yang mengiringi pementasan teater ikonik, *Chang & Eng*, suatu ketika dahulu.

Itulah tempoh yang beliau, juga seorang pendidik seni, tidak akan lupakan sebab ia mencetus inspirasi dan membawanya keluar meneroka bunyian, idea dan dunia yang tidak diketahuinya wujud.

Atas cetusan inspirasi Allahyarham Iskandar, juga anak biduanita Nona Asiah, seorang penerima Pingat Kebudayaan Majlis Seni Kebangsaan (NAC), Encik Wong, 35 tahun, kini berdiri sebagai bakat seni muda yang berpotensi besar dan gigih berkarya.

Pada 5 Disember, Encik Wong, 35 tahun, dan empat lagi seniman muda menerima Anugerah Seniman Muda yang diperkenalkan pada 1992 bagi menggalak pembangunan bakat kesenian di Singapura.

Penerima yang dipilih adalah merupakan teladan dalam mencapai kecemerlangan seni.

Mereka yang berusia 35 tahun dan ke bawah menerima anugerah masing-masing daripada Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia merangkap Menteri Kedua Undang-undang, Encik Edwin Tong, di Istana.

Anugerah yang ditadbir Majlis Seni Kebangsaan (NAC) itu meliputi geran \$20,000 bagi penerima membangun kerja seni dan impian seni mereka dalam tempoh dua tahun sesudah menerima pengiktirafan tersebut.

Empat penerima lain ialah penyajak dan pengkritik, Encik Daryl Lim, 33 tahun; penggiat seni visual, Cik Melissa Tan, 34 tahun; ahli sine-

matografi, Encik Shyan Tan, 35 tahun; dan komposer, pengkaji dan pendidik muzik Cina, Encik Wang Chenwei, 35 tahun.

Mengulas pencapaian lima penerima Anugerah Seniman Muda itu serta tiga penerima Pingat Kebudayaan, Encik Tong berkata bahawa kesenian telah menghubungkan pelbagai masyarakat berbeza bagi mewujudkan identiti sebenar dan secara unik menggambarkan ciri-ciri kesingapuraan.

Beliau menganggap mereka sebagai suar yang dinyalakan di lautan dan melakar cara baru demi kemahuan seni dan seniman di Singapura.

“Saya yakin mereka akan terus menambah pada tapestri Singapura, mendalamkan lagi perpaduan serta mengukuhkan rasa kekitaan,” ujar Encik Tong.

Sehingga 2023, seramai 178 penggiat seni sudah menerima Anugerah Seniman Muda.

Sepanjang kerjayanya, Encik Wong, lulusan Maktab Muzik Berklee, meyakini kepentingan memperjuangkan kisah Singapura.

Beliau diingati atas usaha menentengahkan warisan muzik Singapura dalam pementasan syarikat teater Wild Rice, *Don't Call Him Mr. Mari Kita*, pada 2022.

Katanya lagi: “Menyaksikan usaha Encik Iskandar dalam pementasan *Chang & Eng* itu memberikan kesan yang sangat meluap-luap dalam saya untuk mengejar impian saya.

“Saya cuba menjana semula rasa kagum dan terpaku dalam diri orang ramai apabila mereka menonton sesebuah muzikal. Itulah cara saya berkhidmat dalam kegiatan seni saya.

“Saya akan terus bekerjasama dengan syarikat dan penggiat seni yang berada di depan dalam melabur jiwa dan raga mereka dalam me-

nentengahkan bakat tempatan serta kerja seni Singapura.”

Sementara itu, Cik Tan, lulusan seni halus Maktab Seni Lasalle pula tertarik dengan keindahan alam.

Menurutnya, kerja seninya kini melibatkan imejan tersembunyi daripada mitos merentas pelbagai budaya dan masa yang sesetengah orang mungkin mudah hadam.

Encik Tan, lulusan filem dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU), yang kerja seninya sudah ditebarkan ke pesta filem antarabangsa di luar Singapura, pula gembira menerusi kerja sinematografi yang dihasilkan, beliau menetapkan matlamat membolehkan penonton diselubungi dunia yang cuba diwujudkan dengan unsur emosi tersendiri.

Encik Lim pula dapat berasa kuasa kata-kata dalam dirinya menjelajah bidang penulisan yang kadangkala dipinggirkan seperti penulisan kesusasteraan mengenai makanan dan genre bukan cereka kreatif.

Encik Wang, seorang pensyarah adjung di Institut Pendidikan Nasional (NIE) dan Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), berkata:

“Dalam menghasilkan karya transbudaya, saya berusaha meneroka lebih lanjut bagaimana muzik daripada pelbagai tradisi dapat disatukan untuk menghasilkan kerja seni hibrid yang bersesuaian secara budaya tanpa ada langkah mengambil unsur tradisi sesebuah kaum secara tidak wajar.

“Melalui penerokaan ini, saya berharap dapat mempertingkatkan penghargaan penonton bagi tradisi muzik di luar ufuk kebiasaan, di samping mementaskan semarak tapestri berbilang budaya Singapura.” – HARYANI ISMAIL



**POTENSI SENIMAN MUDA DIIKTRAF:** Penerima Anugerah Seniman Muda 2023, (dari atas, kiri, ikut putaran jam), Encik Julian Wong, Cik Melissa Tan, Encik Wang Chenwei, Encik Daryl Lim dan Encik Shyan Tan, menghargai seni sebagai ruang ekspresi dan penyatuan budaya. – Foto-foto NAC

“Melalui penerokaan ini, saya berharap dapat mempertingkatkan penghargaan penonton bagi tradisi muzik di luar ufuk kebiasaan, di samping mementaskan semarak tapestri berbilang budaya Singapura.”

– Encik Wang Chenwei, pensyarah adjung di Institut Pendidikan Nasional (NIE) dan Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), yang juga penerima Anugerah Seniman Muda Majlis Seni Kebangsaan (NAC).